

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2015/2016

Mei/Jun 2016

JMK 101 – Pengantar Kesusasteraan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. Cerpen “Mak Cek Minta Ampun” oleh Che Soo Ismail menyelitkan kritik sosial secara halus. Bincangkan.
(25 markah)

2. Keruntuhan institusi kekeluargaan terpamer dalam novel *Musim Sepi* oleh Ali Jusoh. Berdasarkan penceritaan novel berkenaan bincangkan penyataan tersebut.
(25 markah)

3. “Banjir di Mata Mak” mengisahkan tentang kekuatan peribadi watak ‘Saya’ yang dapat dikaitkan dengan nilai kemanusian yang bersifat sejagat. Hujahkan secara kritis.
(25 markah)

4. Berpandukan beberapa rangkap puisi klasik dalam *Tunjak Ajar “Memilih Pemimpin” Dalam Budaya Melayu* oleh Tenas Effendy, bincangkan tentang adab kepimpinan yang wajar dimiliki oleh seseorang pemimpin masyarakat (rujuk Lampiran A).
(25 markah)

5. Kesusasteraan dan bahasa, bagi ‘isi dan kuku’; bahasa menjadi medium yang amat berkuasa. Berdasarkan penyataan tersebut, menurut pendapat anda bagaimana genre kesusasteraan kreatif dapat dihasilkan dengan baik dan memberi manfaat kepada kemanusiaan sejagat.
(25 markah)

6. Puisi “Tanda Tanya” dan “Titik Perbezaan” oleh Muzaf Ahmad menyisipkan mesej yang bersifat universal (sejagat). Pilih salah satu daripadanya dan bincangkan keistimewaan puisi tersebut (rujuk Lampiran B).
(25 markah)

Lampiran A

Memilih pemimpin berhemat cermat
Supaya tidak membawa mudarat
Tersalah pilih binasa umat
Sesal tak habis dunia akhirat

Memilih pemimpin dengan nurani
Luruskan niat bersihkan hati
Berdoa kepada Ilahi Rabbi
Supaya terpilih pemimpin

Memilih jangan karena duit
Sebab duit sumber penyakit
Mata buta fikiran sempit
Mabuk harta hidup pun sempit

Memilih jangan karena saudara
Pilihlah karena ilmu dan akhlaknya
Supaya memimpin ia berjaya
Negeri aman rakyat sejahtera

Memilih pemimpin hendaklah ikhlas
Carilah tokoh berpengaruh luas
Hatinya bersih bekerja pun keras
Memimpin umat rakyat kan puas

Memilih pemimpin jangan bertengkar
Sibuk bergaduh cakar mencakar
Bual melangit cakap tak benar
Faedahnya tak ada balanya besar

(Tenas Effendy:2008:30-33)

Lampiran B

Tanda Tanya

salahkah aku
bertanya
kerana saat ini
aku tak tahu
yang mana benar
yang mana palsu

tanda tanya yang kusangkut
pada cupingmu
hanyalah persoalan lemah diriku
bukan tohmah menikam kalbu

kutahu,
biar berkali-kali direnggut
tanda tanya ini
akan tetapku berpaut
pada makhfi kebenaran

jika kaupertahankan diri
tetap aku di sini
pertahankan jati diri

(Hiyoshi, Yokohama April 2014)

Titik Perbezaan

mengapa dicari titik perbezaan
sedangkan titik persamaanlah
yang mencantum kebijaksanaan
dari kerikil yang memecahbelahkan.

(Hiyoshi, Yokohama Mei 2014)